

## **KIRAAN JARI DALAM MEMBANTU MURID PEMULIHAN TAHUN 2 MENGEJA DAN MEMBATANGKAN PERKATAAN KVKV**

Oleh

**Dyg Marzuin Binti Awang Ismail**  
**daniamelody@gmail.com**

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk membantu murid pemulihan mengeja perkataan kvkv . Dalam penyelidikan ini, saya telah memperkenalkan kaedah kiraan jari serta perfambangan untuk membantu murid lebih mudah mengingat dan membatangkan suku kata. Penyelidikan ini telah dijalankan di SK Hijau (nama samaran), semasa praktikum tiga dan melibatkan saya dan dua orang murid tahun dua cemerlang sebagai peserta kajian. Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kualitatif yakni pemerhatian, temu bual, senarai semak dan analisis dokumen. Penyelidikan ini berlangsung selama tiga bulan. Dalam penyelidikan ini, peserta kajian saya menunjukkan peningkatan dalam mengeja perkataan kvkv. Penyelidikan ini juga telah memotivasi murid saya untuk lebih yakin mengeja serta saya sendiri untuk lebih mempelbagaikan kaedah pengajaran. Pada kitaran yang seterusnya, kaedah ini boleh digunakan untuk perkataan dua suku kata yang lain.*

*Kata kunci: Kiraan Jari, Kemahiran Mengeja, Membatangkan Suku Kata, Perkataan kvkv, Murid Pemulihan.*

### **ABSTRACT**

*This research is conducted to help remedial students to spell any of KVKV words. In this research, I had introduce a finger-counting method and labeling to assist students spell easily. This research was conducted in SK Hijau during the third phase of practicum. Two remedial students from 2 Cemerlang and myself become the respondents of this research . The data were collected qualitatively which includes observations, interviews and document analysis. This research lasted for two months. The results showed that there were an improvement in students when they spell KVKV words. This research had motivated my students to be more confident in spelling words and as for myself, it helps me to verify my teaching stail. As a proposed action, this method can also be used to spell words in other skill.*

*Key words : Finger-counting method, spelling skill, KVKV words, 'membatangkan suku kata', remedial students*

## PENGENALAN

### Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Saya telah menjalankan praktikum 3 di SK Hijau dan ditugaskan untuk mengajar matapelajaran major iaitu Pemulihan bagi kelas tahun 2 Cemerlang iaitu seramai 6. Sepanjang praktikum ini, saya mengajar Bahasa Melayu dan Matematik. Bagi matapelajaran Bahasa Melayu, saya dapati yang murid pemulihan yang saya ajar kali ini sebilangan besar menghadapi masalah dalam mengeja. Hal ini mungkin disebabkan tahap perkembangan kognitif mereka masih belum berkembang lagi. Menurut Khalid (2003), tindakan guru dalam bilik darjah mempunyai dua kali ganda impak dalam pencapaian murid. Justeru, menjadi tanggungjawab saya menyediakan pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang efektif bagi mengelak murid-murid yang lemah terus ketinggalan dalam pelajaran mereka. Oleh itu, saya telah berusaha mencari jalan penyelesaian bagi masalah ini dengan menjalankan kajian tindakan.


### Isu Keprihatinan

Semasa mengajar bahasa melayu, saya dapati yang dua orang murid saya menghadapi masalah mengeja .Mereka sering mengugurkan dan suku kata KV KV yang mereka tidak kenal dan bunyikan. Menurut Abdul Rasid & Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran membaca adalah akibat ketidakcekapan murid menguasai kemahiran membaca semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan dan suku kata yang mereka gagal bunyikan.

Dari ujian diagnostik, saya dapati Aziman dan Syaniza belum boleh mengeja perkataan KV KV dengan baik. Rajah 1 merupakan hasil ujian mereka. Hasil ujian menunjukkan Aziman dan Syaniza masih lemah dalam kemahiran kv dan kvkv. Aziman dan Syaniza masih menujukkan kesilapan yang ketara pada lembaran kerja lain (rajah 2). Pada ketika ini, saya belum ajar Aziman dan Syaniza mengenai kaedah kiraan jari untuk mengeja dengan betul. Oleh yang demikian, saya mengajar mereka untuk mengeja dengan kiraan jari supaya mereka lebih faham lagi.

Berdasarkan dapatan awal ini, ia menunjukkan yang mereka tidak boleh menyambung suku kata membentuk perkataan KV KV dan mengeja perkataan KV KV dengan betul. Mengeja adalah penting kerana ia melibatkan kemahiran yang lain, iaitu ke kemahiran membaca, dan seterusnya kemahiran menulis. Oleh itu, kanak-kanak perlu diajar mengeja untuk masa hadapan mereka sendiri. Saya ingin menambah baik amalan p&p saya, disamping membantu murid itu sendiri iaitu Aziman dan Syaniza.

BORANG SKOR BAHASA		BORANG SKOR DIAGNOSTIK BERTULIS BAHASA MALAYSIA																																					
Nama: _____	Belum dapat kuasi kemahiran kv & kvkv	na: _____	BORANG SKOR DIAGNOSTIK BERTULIS BAHASA MALAYSIA																																				
Sekolah: _____	Aziman (0/5-0/5), Syaniza (2/5-2/5)	olah: _____																																					
Tahun: _____	Catatan: Guru rekodkan bilangan jumlah yang betul bagi setiap kemahiran yang diuji.	un: _____	Catatan: Guru rekodkan bilangan jumlah yang betul bagi setiap kemahiran yang diuji.																																				
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Senarai Kemahiran diuji</th> <th>Analisis Guru</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Nama Huruf Kecil</td> <td>100% benar. Warna merah. Cetakan huruf kecil yang betul.</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Nama Huruf Besar</td> <td>XO (benar) Benar dan salah</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Suku Kata "V"</td> <td>50% Benar</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Suku Kata "KV"</td> <td>100% Benar. Warna merah. Cetakan.</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Suku kata "KV + KV"</td> <td>0% Benar. Warna merah. Cetakan.</td> </tr> </tbody> </table>		Bil	Senarai Kemahiran diuji	Analisis Guru	1.	Nama Huruf Kecil	100% benar. Warna merah. Cetakan huruf kecil yang betul.	2.	Nama Huruf Besar	XO (benar) Benar dan salah	3.	Suku Kata "V"	50% Benar	4.	Suku Kata "KV"	100% Benar. Warna merah. Cetakan.	5.	Suku kata "KV + KV"	0% Benar. Warna merah. Cetakan.	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Senarai Kemahiran diuji</th> <th>Analisis Guru</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Nama Huruf Kecil</td> <td>100% benar. Warna merah. 100% Benar</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Nama Huruf Besar</td> <td>15% Benar. Warna - sedikit merah. 15% Benar</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Suku Kata "V"</td> <td>85% Benar. Warna merah</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Suku Kata "KV"</td> <td>35% Benar. Warna merah. 35% Benar</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Suku kata "KV + KV"</td> <td>35% Benar. Warna merah. 35% Benar</td> </tr> </tbody> </table>		Bil	Senarai Kemahiran diuji	Analisis Guru	1.	Nama Huruf Kecil	100% benar. Warna merah. 100% Benar	2.	Nama Huruf Besar	15% Benar. Warna - sedikit merah. 15% Benar	3.	Suku Kata "V"	85% Benar. Warna merah	4.	Suku Kata "KV"	35% Benar. Warna merah. 35% Benar	5.	Suku kata "KV + KV"	35% Benar. Warna merah. 35% Benar
Bil	Senarai Kemahiran diuji	Analisis Guru																																					
1.	Nama Huruf Kecil	100% benar. Warna merah. Cetakan huruf kecil yang betul.																																					
2.	Nama Huruf Besar	XO (benar) Benar dan salah																																					
3.	Suku Kata "V"	50% Benar																																					
4.	Suku Kata "KV"	100% Benar. Warna merah. Cetakan.																																					
5.	Suku kata "KV + KV"	0% Benar. Warna merah. Cetakan.																																					
Bil	Senarai Kemahiran diuji	Analisis Guru																																					
1.	Nama Huruf Kecil	100% benar. Warna merah. 100% Benar																																					
2.	Nama Huruf Besar	15% Benar. Warna - sedikit merah. 15% Benar																																					
3.	Suku Kata "V"	85% Benar. Warna merah																																					
4.	Suku Kata "KV"	35% Benar. Warna merah. 35% Benar																																					
5.	Suku kata "KV + KV"	35% Benar. Warna merah. 35% Benar																																					
Catatan Penguji : Tarikh: 1/2/12		Tandatangan Penguji : Disahkan : <i>[Signature]</i>																																					
Tandatangan Penguji : Disahkan : <i>[Signature]</i>		Tandatangan Penguji : Disahkan : <i>[Signature]</i>																																					
Aziman		Syaniza																																					
Rajah 1: Rumusan daripada ujian diagnostik Aziman dan Syaniza																																							



### **Objektif Kajian**

Berdasarkan dapatan awal yang saya perolehi, objektif penyelidikan tindakan ini adalah;

- Memastikan 2 orang murid Tahun 2 Cemerlang boleh mengeja dan membezakan suku kata dengan betul.
- menambah baik amalan pengajaran saya sebagai guru pemulihan bahasa Melayu dalam mengeja dan membatangkan suku kata KV KV.

### **Persoalan Kajian**

Penyelidikan ini dijalankan untuk menjawab persoalan berikut;

- Bagaimakah kaedah jari dan pergerakkan tangan boleh membantu murid mengeja dan membatangkan suku kata dengan betul.
- Bagaimana penggunaan jari dapat menambah baik amalan kendiri saya dalam P&P.

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Setelah saya mengenalpasti masalah peserta lajian saya, saya mula membuat tinjauan literatur ke perpustakaan dan mengakses ke laman sesawang yang berkaitan dengan penyelidikan saya iaitu kemahiran mengeja dan pengajaran melibatkan kinestatik ataupun kiraan jari. Menurut Westreich (2002) , murid menunjukkan perkembangan yang positif melalui aktiviti pembelajaran yang melibatkan prinsip kinestetik. Selain itu, Ngan (2011) mendapati kajian yang dilaksanakan dapat membantu murid- murid lebih faham kerana lebih jelas dan mudah untuk memahami sesuatu yang bersifat abstrak (tidak jelas). Dalam PT ini,saya juga menggunakan jaru untuk membantu murid mengeja dan membatangkan suku kata KV KV.

Idea menggunakan jari untuk membantu murid mengeja adalah tercetus semasa saya menjalani praktikum kedua di Sekolah Biru (nama samaran), pada ketika itu, murid- murid saya menghadapi masalah dalam mengeja perkataan KV KV. Murid saya keliru dengan perkataan KV KV. Oleh itu, saya menerangkan pada mereka yang perkataan KV KV ada 3 huruf di hadapan iaitu suku kata pertama, dan 2 huruf disuku kata kedua, berbanding dengan pengajaran yang lalu iaitu, 2 suku huruf di depan dan 3 huruf dibelakang. Contoh, perkataan seperti lembu, kita pisahkan menjadi lem dan bu. Ada 3 huruf disuku kata pertama iaitu l(1), e(2) dan m(3) dan 2 huruf bagi suku kata kedua, b(2) dan u(2). Bagi perkataan botol pula, suku kata pertama ada 2 iaitu, b(1) dan o(2). Untuk suku kata kedua pula, mempunyai 3 huruf, iaitu t(1), o(2) dan l(1). Setelah diterangkan sedemikian, mereka


mula faham dan bermula dari itu, saya mengaplikasikan kaedah kiraan jari ini untuk perkataan 2 suku kata.

Untuk melaksanakan kajian ini, saya akan menggunakan kaedah pandang sebut dan bahan bantu mengajar seperti kad perkataan dan kad suku kata yang berbeza warnanya. Sharanjeet , Zainora & Siti Jalia .2008 menyatakan, faktor yang menyebabkan kanak-kanak lemah dalam ejaaan ialah lemah dari segi ingatan penglihatan (*Visual Memory*) atau lemah dari segi analisis pendengaran (*Auditory Analysis*), ataupun kedua- duanya. Oleh itu, pengamatan memainkan peranan penting untuk membantu murid mengingat dan mentafsir maklumat. Dale (1969) menyatakan bahawa pengajaran dapat ditingkatkan dengan berkesan apabila dibantu dengan media yang membolehkan pengalaman dalam ingatan. Penglibatan melalui pengalaman merupakan cara yang paling berkesan dalam pembelajaran. Semasa murid saya mengeja sambil saya memaparkan kad suku kata, saya latih mereka mengeja sambil mengerakkan jari dan tangan, supaya daya ingatan mereka lebih kuat lagi. Sepanjang penyelidikan dan kajian lepas inilah saya mula menggunakan kajian mengenai kiraan jari untuk membantu murid mengeja.

Herman (1991),menyatakan bahawa seni dapat membantu pemikiran rasional dan intiutif seseorang individu. Seni yang saya amalkan dalam P&P saya adalah seni pergerakkan yang mana, boleh membantu murid saya mengingat hasil pergerakkan yang mereka lakukan.

### **Proses Pelaksanaan Tindakan**

Menurut Lewin (1946), kajian tindakan memperlihatkan suatu kitaran langkah-langkah.Suatu kitaran kajian tindakan mempunyai empat langkah iaitu merancang, memerhati dan mereflek. Kitaran ini akan berterusan ke kitaran seterusnya yang melibatkan merancang semula, bertindak , memerhati dan mereflek bagi menghasilkan kitaran baru. Dalam melaksanakan penyelidikan tindakan ini, saya telah menggunakan model tindakan lewin. Terlebih dahulu saya mengenal pasti aspek amalan yang ingin ditambah baik, iaitu dengan mengumpul data awal. Seterusnya membuat perancangan dengan pelan tindakan. Setelah membuat perancangan, saya melaksanakan tindakan saya secara berperingkat mengikut masa- masa yang ditetapkan. Seterusnya saya mengumpul data hasil dari setiap tindakan saya dan seterusnya membuat refleksi iaitu menganalisi dan menilai dapatan yang dikumpul. Rajah dibawah merupakan tindakan saya dalam melaksanakan PT ini.



Rajah 3: Plan Tindakan Saya

### Pelaksanaan Tindakan

Dalam penyelidikan ini, saya menjalankan tiga fasa tindakan. Setiap tindakkan telah ditetapkan masanya dan kaedah pengajaran.

#### Tindakan 1

Dalam tindakan pertama, saya menjalankan kaedah mengeja dengan kiraan jari ini berbantuan bahan bantu mengajar, yakni kad perkataan KVKV beserta dengan gambar. Tindakkan ini berlangsung selama 3 minggu. Penggunaan BBM Ini bertujuan untuk memantapkan lagi daya ingatan mereka supaya mereka dapat menyimpan gambaran mengenai perkataan yang hendak dieja. Pada peringkat ini, saya turut menggunakan warna untuk membantu mereka membezakan suku kata. (Sharanjeet K, Zainora M & Siti Jalia J .2008) dalam kajian mereka, menyatakan dalam membaca, diskriminasi visual perlu ada, dan warna memainkan peranan penting untuk membezakan huruf, dan dalam kajian saya ini ianya beperanan untuk membezakan suku kata.

Dalam tindakan ini juga, saya menjalankan pemerhatian melalui nota lapangan untuk melihat, perubahan pertasi mereka, juga melihat perubahan tingkah laku mahupun sosial murid. Segala rekod pemerhatian saya catatakan pada buku

catatan saya. Selain itu, saya juga membuat catatan pada refleksi dipenghujung rancangan pengajaran saya.

Pada peringkat ini juga, saya telah menjalankan senarai semak bagi pencapaian lisan(ejaan) mereka. Ianya dijalankan selepas 1 minggu saya mengaplikasikan kaedah mengeja dengan jari kepada mereka. Dapatkan ada pada bahagian menganalisi data.

### Tindakan 2

Peringkat ini saya masih menggunakan bahan bantu mengajar untuk membantu murid dalam mengeja, dan jangka waktu tindakan ini adalah selama 3 minggu. Dalam tindakan ini, saya mula mendedahkan kepada mereka, kad perkataan KVKV dan tidak terlalu terikat pada kad perkataan beserta gambar. Penggunaan warna bagi membezakan suku kata masih dikekalkan.

Dalam tindakan ini, saya mula memberi lembaran yang sedikit mencabar daripada lembaran kerja di tindakan 1. Selain itu, pada peringkat ini, saya membuat pemerhatian melalui dua kaedah iaitu, catatan lapangan dan pemerhatian video.

Peserta kajian saya mula menunjukkan peningkatan walaupun agak lambat, tetapi, sudah boleh mengeja tanpa terlalu bergantung pada saya. Di tindakan ini juga, saya turut membuat semakan lisan mereka. pada peringkat ini, saya telah menjalankan senarai semak lisan sebanyak kali. Dapatkan yang saya perolehi menunjukkan perubahan. Murid kerap dapat mengeja pada cubaan ke 4 dan 5. Berbanding semakan lisan 1.

### Tindakan 3

Untuk tindakan ini, ianya mengambil masa selama 2 minggu dan saya telah menjalankan temubual bersama peserta kajian saya dan juga rakan sepraktikum saya. Ia dijalankan untuk melihat keberkesanan kaedah yang saya kaji. Dalam temubual, saya telah merekod jawapan mereka beserta tingkah laku yang mereka tunjukkan.

Disini, saya turut membuat semakan lisan. Setiap semakan lisan yang saya jalankan adalah langkah satu atau dua minggu sekali. Pada tindakan ini juga, saya memberikan lembaran kerja yang lebih mencabar. Dan bahan bantu mengajar pula cumalah lembaran perkaataan KVKV yang mempunyai satu warna sahaja. Hal ini bertujuan untuk melihat sama ada mereka boleh mengeja dengan lancar ataupun tidak.

Untuk dapatkan pemerhatian pula, saya masih menggunakan catatan nota lapangan dan rakaman video untuk melihat perkembangan mereka.

Akhir sekali, saya membuat rumusan secara keseluruhan mengenai perkembangan peserta kajian saya.

## **METODOLOGI**

### **Peserta Kajian**

Merupakan dua orang murid pemulihan tahun 2 cemerlang yang mempunyai masalah dalam mengeja dan membatangkan suku kata kvkv, iaitu Aziman dan Syaniza.

### **Etika Penyelidikan**

Kajian yang saya jalankan ini mematuhi etika-etika penyelidikan yang telah digariskan. Sebelum pelaksanaan kajian ini, pihak institut telah memohon kebenaran daripada pihak pengurusan sekolah secara formal untuk membenarkan saya menjalankan kajian ini. Pihak sekolah memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Selain itu, saya juga telah mendapatkan persetujuan dengan menandatangani surat kebenaran dan penyertaan daripada ibu bapa dan peserta kajian yang terlibat. Ibu bapa dan peserta kajian telah diberitahu bahawa segala jawapan dan respon mereka tidak akan diubahsuai dan dipalsukan demi kepentingan diri saya atau pihak lain.

### **Teknik Mengumpul Data**

#### Pemerhatian

Saya menggunakan catatan nota lapangan dan rekod pemerhatian video untuk membuat pemerhatian terhadap tingkah laku, prestasi serta masalah yang dihadapi oleh Aziman dan Syaniza sepanjang saya menjalankan penyelidikan tindakan ini.

#### Perbualan

Dalam penyelidikan saya, saya telah melaksanakan temu bual bercorak separa berstruktur. Temu bual seumpama ini lebih mudah digunakan untuk murid- murid pemulihan, dan soalan- soalan yang saya gunakan adalah lebih kepada soalan terbuka. Ianya bertujuan untuk membenarkan peserta menerokai kepelbagaiannya jawapan dan menghuraikannya kepada pengkaji. Rajah 3 menunjukkan transkrip catatan perbualan yang saya gunakan.

Apakah perasaan awak semasa cikgu ajar awak mengeja menggunakan jari?

Awak rasa, mengeja tanpa kiraan dan dengan kiraan yang mana lebih seronok?

Kenapa?

Awak rasa, mengeja tanpa kiraan dan dengan kiraan yang mana awak lebih faham?

Kenapa?

Awak rasa, adakah kaedah mengeja menggunakan kiraan jari ini susah?

Adakah awak akan menggunakan kaedah ini semasa diminta membuat latihan di buku latihan?

Adakah awak akan menggunakan kaedah ini semasa diminta oleh guru lain untuk mengeja?

Rajah 4 contoh transkrip catatan perbualan yang digunakan.

#### Senarai Semak

Saya menggunakan senarai semak untuk melihat pencapaian mereka dalam mengeja sesuatu perkataan tersebut. Perkataan yang diuji telah ditetapkan dan murid diberikan 6 kali cubaan. Rajah dibawah merupakan senarai semak lisan murid



Rajah 5: senarai semak lisan

## Teknik Menganalisis Data

### Analisis Kaedah

#### Analisis Data Pemerhatian

Saya membaca catatan nota lapangan dan rakaman video berulang kali dan melabelkan perkara penting yang menunjukkan perubahan mereka dari lemah ke maju dan berkembang

Tarikh	29/03/2012 (khamis)
Masa	0800-0900 pagi
Catatan	<p>-Aziman kenal gambar dan boleh ejा, -Sudah faham konsep penggunaan jari. -- melalui kaedah ini, dia kenal suku kata 1 dan 2 dan boleh ejा dengan baik. -Msh di bimbing oleh guru. -Kadang2 salah mengerakkan tangan.</p> <p>-- Syaniza sudah boleh menggunakan jari untuk mengeja. -- faham akan bagaimana setiap tangan tersebut boleh membentuk 1 perkataan.</p> <p>jalankan bimbingan secara individu dan latih tubi mengejadengan jari dengan banyak lagi</p>
Tarikh	12/04/2012 (khamis)
Masa	0800-0900 pagi
Catatan	<p>-Aziman boleh mengeja guna kiraan jari tanpa selalu diingatkan oleh saya -Dia sudah boleh membezakan SK dan menyambungnya dengan betul. -- lambat jika perkataan baru.. Kadang- kadang keliru dengan hendak mengerakkan tangan pertama bagi SK 2</p> <p>-Syaniza menunjukkan prestasi memberansangkan. Sudah boleh mengeja dengan baik. -Tidak banyak kesilapan semasa menggunakan jari sebagai panduan untuk mengeja.</p> <p>Banyakkan perkataan baru untuk membiasakan mereka.</p>

Rajah 6: catatan lapangan Aziman dan Syaniza

Rajah 7: catatan pemerhatian video Aziman dan Syaniza

#### Analisis lembaran kerja murid

Selain itu, saya menganalisis kesalahan yang terdapat dalam lembaran kerja yang saya berikan pada mereka. Saya hanya memilih lima lembaran sahaja sepanjang kajian ini berjalan untuk melihat perkembangan mereka dari mula hingga akhir.



Lembaran	Tarikh	Rakaman	Catatan	Lembaran	Tarikh	Rakaman	Catatan
Lembaran 1 isi suku kata atau kata yang betul berdasarkan gambar	22/02/12	2/32	Boleh menulis suku kata dengan betul. Tidak dapat menulis peribahangan bagi setiap bantang dan SK	Lembaran 1 Pisahkan/ isi suku kata yang betul berdasarkan gambar	22/02/12	4/32	Boleh menulis dan memahami kata dengan betul.
Lembaran 2 isi suku kata peribahangan atau suku kata kedua dengan betul berdasarkan gambar	29/02/12	3/32	Rakam tulis hadir dengan penggunaan jari untuk menulis. Maklumat yang diberikan tentang kalan dan tangan yang betul	Lembaran 2 isi suku kata peribahangan atau suku kata kedua berdasarkan gambar	29/02/12	5/32	Rakam tulis dengan jari dan tangan. Sehingga SK 3 sehingga SK 2 didakwa.
Lembaran 3 Padankan suku kata peribahangan dan buka berdasarkan gambar dengan betul	29/03/12	5/32	Sudah berperkataan dan suku kata betul	Lembaran 3 perkataan dan buku berdasarkan gambar dengan betul	29/03/12	7/32	Rakam tulis pada jari dan tangan. Tidak kuat nian betul
isi perkataan yang betul berdasarkan gambar dengan betul	3/04/12	7/32	Boleh mengaja dan guna jari jika dibilat oleh guru. Bila guru tak bhat, tulis suka hati.	Lembaran 4 isi perkataan yang betul berdasarkan gambar dengan betul	3/04/12	6/32	Sudah boleh mengaja guna jari walaupun guru tidak berbilat.
Lembaran 5 isi perkataan yang betul berdasarkan gambar dengan betul	17/04/12	7/32	Boleh mengaja dengan halik. Faham konsep menggunakan jari dan tangan	Lembaran 5 isi perkataan yang betul berdasarkan gambar dengan betul	17/04/12	10/32	Boleh ajar rakan dan gerakkan. Mengajak rakan untuk mengaja
							Agak lembar kerana baru boleh mengaja. Boleh guna jari. Cewa lambat dan teragak-agak.
							Boleh mengaja dengan halik. Faham konsep menggunakan jari dan tangan

Rajah 8: Rumusan analisis hasil lembaran kerja Aziman

Rajah 9: Rumusan analisis hasil lembaran kerja Syaniza

### Analisis Data Temu bual

Saya membaca transkrip perbualan yang telah dicatatkan berulang kali untuk mengenal perubahan yang sedang berlaku dalam peserta saya baik dari pencapaian akademik maupun tingkah laku mereka. Rajah dibawah merupakan rumusan temubual mereka. Melalui rajah 8, saya turut membuat analisis sumber iaitu temu bual bersama dengan rakan sepraktikum saya.



Rajah 8: Rumusan perbualan dengan rakan sepraktikum.

#### Analisis data senarai semak

Senarai semak lisan, saya analisi untuk merumus perkembangan pencapaian Aziman dan Syaniza dalam mengeja perkataan KV KV serta melihat tingkah laku peserta kajian. Jadual dibawah merupakan rumusan bagi pencapaian murid.

SS		Markah	Rumusan		Markah	Rumusan SS
1	4/10	Dalam cubaan ke 4 dan 5. Lupa SK1 Belum boleh menguasai konsep kiraan jari dalam mengeja. Cenderung gerakkan 1 tangan sahaja.		1	5/10	Dalam cubaan ke 4 dan 5. Lupa SK1 Cenderung mengerakkan jari kiri tapi membunyikan SK2
2	3/10	Dalam cubaan 3 dan 4. Lepas cuti. Lupa. Masih menggunakan 1 tangan. Tidak beraya mencuba selagi cikgu tidak bagi tahu. Guru bertindak mengajar dengan mengerakkan tangannya.		2	6/10	Dalam cubaan ke 4 dan 5. Lupa SK1 dan kadang-kadang SK 2 Lepas cuti. Lupa Bergantung dengan arahan guru dan sentuhan oleh guru.
3	6/10	Boleh membezakan SK. Boleh menyambung 2 SK jadi 1 perkataan  Boleh ejा sendiri. Tapi masih melihat guru untuk kepastian. Kadang-kadang guru akan membantu dengan mengerakkan tangan dan memegang tangan murid.		3	8/10	Boleh membezakan SK. Boleh menyambung 2 SK jadi 1 perkataan. Dibantu oleh guru. Boleh ejा dengan baik. Tidak perlu diberitahu oleh guru. Boleh ejा dengan pantas. Tidak keliru dengan tangan mana yang digunakan
4	10/10	Boleh mengeja dengan baik. Cum a lambat dan takut salah. Bergantung sepenuhnya dengan tangan.		4	9/10	Boleh mengeja dengan baik. Kadang-kadang diam sambil melihat tangan untuk mengingat . Tidak keliru dengan tangan mana yang digunakan,. Yakin dengan kemampuan diri.
5	10/10	Boleh mengeja dengan baik. Dalam cubaan 1, 2 dan 3  Kadang-kadang salah membunyikan huruf dan SK		5	10 /10	Boleh mengeja dengan baik. Dalam cubaan 1 dan 2 Yakin dengan kemampuan diri. Gembira dengan ejaa yang betul. Pergerakan tangan yang semangat.

### Jadual 3: Rumusan Dapatan Senarai Semak Aziman Syaniza

#### Jadual 4: Rumusan Dapatan Senarai Semak


Dapatkan semakin meningkat. TL murid juga positif, tidak lagi keliru.

RFFI FKSI


## Refleksi Dapatan

- Bagaimanakah kaedah kiraan jari dan pergerakkan tangan boleh membantu murid mengeja dan membatangkan suku kata dengan betul.

Berdasarkan dapatan kajian yang saya laksanakan, saya dapat tindakan yang saya laksanakan telah banyak membantu Aziman dan Syaniza mengeja perkataan KV KV. Lembaran yang diberikan adalah mengikut kemahiran yang diajar. Lembaran kerja yang diberikan adalah memadankan dan mengisi huruf tertinggal. Mengisi suku kata awal dan akhir perkataan KV KV. Menulis perkataan KV KV.



Rajah 12: Hasil lembaran kerja Aziman



Rajah 13: Hasil lembaran kerja Syaniza

*Rajah 12 dan 13:* Perbandingan hasil lembaran kerja murid sebelum dan selepas mengaplikasikan kaedah kiraan jari dalam mengeja perkataan kvkv.

- Bagaimana penggunaan kiraan jari dapat menambah baik amalan kendiri saya dalam P&P.

Selaku bakal guru, saya akui kajian ini banyak membantu saya dalam melengkapkan diri dengan nilai-nilai keguruan dan profesionalisme sebagai seorang guru. Aspek utama yang saya kenal pasti adalah dari sudut keprihatinan

saya sendiri sebagai guru dalam menilai dan meneroka masalah yang dihadapi oleh murid (Boon, Noriati, Wong, 2010). Daripada hasil penyelidikan ini, saya dapat yang keperhatianan saya terhadap tugas dan impak menjadikan saya bersungguh-sungguh untuk memastikan kaedah ini boleh membantu murid saya untuk mengeja. Keperhatianan terhadap tugas adalah keinginan saya untuk menambah baik p&p saya berdasarkan bahan bantu mengajar yang saya gunakan. Keperhatianan terhadap impak pula adalah, keperhatianan saya dalam memastikan murid saya berjaya dan keperhatianan adakah p&p saya telah berjaya dan memberi kesan kepada murid-murid saya. Manakala Chow (2011) menegaskan bahawa guru yang menjalankan kajian tindakan akan sentiasa mengamalkan refleksi kritikal terhadap amalannya dalam bilik darjah. Secara tidak langsung, penyelidikan ini menjadikan saya seorang yang sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk melihat hasil yang baik daripada pengajaran yang saya berikan.

Selain itu, saya turut dapat memotivasi murid untuk lebih yakin dalam membuat sesuatu. Pada masa yang sama, kaedah yang digunakan secara tidak langsung boleh membina hubungan dalam kalangan murid dan guru. Menurut Ahmad M. S. (2008) guru yang berjaya hendaklah dapat menyampaikan ilmu dengan efektif. Oleh yang demikian, saya berusaha untuk mengesahkan setiap kelemahan saya mahupun murid saya supaya proses P&P berjaya memberi impak kepada pencapaian murid.

### **.Refleksi Penilaian tindakan**

Menjadi seorang guru juga perlu memberikan perhatian kepada murid-muridnya, bukan hanya kepada perlaksanaan p&p sahaja, malahan sentiasa menambah baik amalan p&p untuk menjadikan proses pengajaran itu lebih kreatif dan menyeronokkan. Disamping itu, ianya boleh menjadi satu inovasi atau perkongsian untuk guru yang lain. Pada masa yang sama ianya memantapkan diri saya dalam menyampaikan p&p di bilik darjah.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Menjadi seorang guru bukan hanya sekadar mengajar semata-mata malahan guru perlu merancang sesi pembelajaran yang menyeronokkan dan melibatkan penglibatan murid secara aktif dan menyeluruh bermula dari awal hingga lahir ke akhir sesi pembelajaran. Oleh itu, saya seharusnya bijak memilih pendekatan dan kaedah yang pelbagai bersesuaian dengan minat dan penerimaan murid. Saya akui kreativiti perlu ada dalam diri seorang guru untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan. Hal ini berkait rapat dengan motivasi untuk belajar dalam diri murid itu sendiri seperti yang dinyatakan oleh (Yong & Biraimah (1996), dalam Ahmad M. S.(2004) yang seorang guru yang kreatif akan bertindak sebagai pemberi motivasi dalam pembelajaran bagi murid yang diajar. Selain itu, dengan penyelidikan tindakan ini meningkatkan kemahiran saya dalam mengakses maklumat serta penulisan ilmiah.

### Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Berdasarkan kepada kejayaan yang diperolehi oleh Aziman dan Syaniza, maka saya berhasrat untuk mengembangkan lagi kajian ini untuk mengeja perkataan atau kemahiran yang lain contohnya mengeja perkataan yang mempunyai suku kata KV KV KV, KV KV KV, KV KV KV KV, KV KV KV KV. Kaedah yang saya laksanakan telah berjaya memudahkan murid membezakan suku kata yang hampir serupa, contohnya bagi perkataan KV KV KV dan KV KV KV malah perkataan KV KV KV dan KV KV KV KV yang mana murid pemulihan menghadapi masalah untuk memproses maklumat dan menganalisis maklumat.

Cadangan penambah baikan yang kedua adalah menggunakan bahan bantu mengajar yang boleh disentuh oleh murid, contohnya, cincin huruf. Caranya ialah, setiap cincin huruf itu disarung pada jari murid untuk membolehkan murid dan melihat huruf dan suku kata dengan jelas. Dengan adanya cincin tersebut, mereka tidak perlu tercari-cari perkataan yang dibacanya. Akan tetapi, cincin tersebut disarungkan menghadap telapak tangan supaya selari dengan huruf pertama iaitu pada jari telunjuk. Tapi untuk suku kata yang kedua pula, cincin tersebut perlu disarungkan dipermukaan tangan supaya selari dengan huruf ketiga iaitu jari telunjuk kanan. Untuk lebih memudahkan lagi, setiap dibezakan cincin mengikut warna suku kata. Contoh, suku kata pertama berwarna biru, manakala suku kata kedua berwarna hijau, jadi murid akan terus ingat yang cincin biru mesti berada pada tangan kiri dan sebaliknya.

### RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.
- Ahmad Mohd. Salleh (2004). *Pendidikan Islam Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Boon Pong Ying, Noriat A. Rashid, & Wong Kiet Wah. (2010). *Asas kepimpinan dan perkembangan profesional guru*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar.
- Chow Fook Meng, Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep Dan Amalan Dalam Pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Dale, E. (1969). *Audiovisual methods in teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Ned Herrmann's Whole Brain Model (1991) di muat turun di laman sesawang, <http://www.kheper.net/topics/intelligence/Herrmann.htm> pada 20 september 2012
- Ngan Jia Ing.(201 ). *Penggunaan kaedah jari dalam penguasaan kemahiran penolakan fakta asas murid tahun dua*. Koleksi Artikel Penyelidikan Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/ 27 & 28 September 2012/ IPG KBL

*Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Pemulih amb. Januari 2009,  
Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms.136-152*

*Tindakan PISMP MT amb. Januari 2008, Seminar Penyelidikan  
Tindakan IPG KBL Tahun 2011, ms 123-136.*

Sharanjeet K, Zainora M & Siti Jalia J (2008), *Status persepsi penglihatan, pergerakan mata dan kelancaran membaca kanak-kanak disleksia*, Jabatan Optometri, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 148 – 152

Westreich, G. (2002). *Dance, Mathematics, and rote memorization*. Reston, VA: American Alliance for Health, Physical Education and Recreation.